

16 NOV 1998

APEC-BERITA-KIM

DR M DAN KIM DAE-JUNG ADAKAN MESYUARAT DUA HALA

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Korea Selatan Kim Dae-Jung di sini pagi ini.

Kedua-dua pemimpin tersebut membincangkan perkara-perkara kepentingan bersama semasa bertemu selama 30 minit di Palace of the Golden Horses Hotel, iaitu tempat di mana mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) diadakan.

Mesyuarat itu diadakan sebagai sampingan kepada sidang kemuncak dua hari yang akan bermula esok.

Dr Mahathir juga dijadualkan bertemu beberapa pemimpin lain hari ini.

-- BERNAMA

ARA MA